



JABATAN PERDANA MENTERI  
PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA

Buletin  
**ILKEM**  
Edisi 2/2023



[www.cgso.gov.my](http://www.cgso.gov.my)



jpm



cgso



cgso\_news

# PERUTUSAN

## KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN



*Bismillahirrahmanirrahim.*

Assalamu'laikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Keluarga CGSO.

Alhamdulillah, segala puji dan rasa penuh kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, Buletin ILKEM Edisi Kedua Tahun 2023 dapat direalisasikan dengan penuh jayanya. Syukur saya dapat merakamkan uitaian kata di dalam Buletin ILKEM Edisi Kedua tahun ni.

Penerbitan Buletin ILKEM ini mencerminkan kesungguhan CGSO dalam menggembangkan tenaga untuk menjayakan budaya kerja berpasukan. Buletin ini bermatlamat untuk menjadi satu saluran penting bagi menyampaikan informasi penting kepada penjawat awam khususnya maklumat penting berkaitan pengurusan keselamatan perlindungan.

Pelan Strategik CGSO 2023-2025 dan Pelan Transformasi CGSO 2030 yang telah dilancarkan dengan jayanya oleh Tan Sri Dato' Seri Ketua Setiausaha Negara pada 9 Mac 2023 yang lepas telah dirangka secara cermat dan teliti serta menggariskan beberapa teras, strategi, dan mauduk pelaksanaan secara tertib yang mana terdapat matlamat jangka pendek dan jangka panjang. Penekanan pemerkasaan ekonomi beserta budaya yang berteraskan nilai, etika dan akhlak perencanaan yang digarap dalam pelan ini bakal memperkuuhkan tadbir urus sektor awam bila membicarakan hal ehwal keselamatan perlindungan.

Sekali lagi sekalung tahniah diucapkan kepada ILKEM di atas kejayaan menerbitkan Buletin ILKEM Edisi kedua Tahun 2023. Buletin ini merupakan wadah penghubung penting dalam memupuk budaya keselamatan di kalangan penjawat awam khususnya warga CGSO. Tinggi harapan saya agar Buletin ILKEM dapat diteruskan dengan kualiti yang diperhebatkan lagi. Pembudayaan ilmu seperti ini penting bagi merealisasikan Budaya Kerja Kelas Pertama dalam kalangan penjawat awam, bukan hanya tertumpu kepada kakitangan CGSO sahaja.

Sekian, terima kasih.

YBrs. Tuan Rahimi bin Ismail  
Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan

# PERUTUSAN PENGARAH ILKEM

**Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah  
Lagi Maha Mengasihani**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan  
Salam Malaysia Madani**

Alhamdulillah , setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pengunjung dan pelanggan kerana sudi melayari Buletin ILKEM pada Edisi ke 2 dalam tahun 2023 didalam portal CGSO serta portal ILKEM. Sejajar dengan perkembangan semasa yang menekankan kepada penggunaan ICT dalam urusan sehari-hari, ILKEM komited dengan menyediakan Buletin yang mesra pengguna dalam penyampaian perkhidmatannya.

**Harapan saya agar Buletin ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya sebagai salah satu medium interaksi di antara warga ILKEM dan pelanggan mengenai latihan dan peperiksaan. Buletin ILKEM ini diwujudkan antara lain adalah sebagai sumber rujukan dan maklumat mengenai segala aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) dari bulan ke bulan pada tahun 2023.**

Segala aturan dan dasar yang dirangka ini tidak akan dapat dilaksanakan tanpa sokongan padu daripada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia ( CGSO) yang sentiasa menyokong ILKEM dalam mencapai perkhidmatan yang cemerlang. ILKEM juga komited sebagai Peneraju Keselamatan Perlindungan dan Sasaran Penting bagi menjamin keselamatan aset dan kepentingan negara (visi) dan Memperkasakan pengurusan Keselamatan Perlindungan dan Sasaran Penting secara holistik, bersepada dan berimpak tinggi (misi).

Akhir kata, saya berharap agar Buletin ini akan menjadi gelanggang perkongsian ilmu kepada sesiapa sahaja yang melayarnya secara tidak langsung dan langsung. Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua sidang redaksi Buletin ILKEM yang bertungku lumus dan komited dalam menyiapkan sekaligus dapat memenuhi tahap kepuasan dan kehendak pelanggan.

Sekian, terima kasih.

**Encik Roselan Bin Mohamed  
Pengarah  
Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM)**

## SIDANG REDAKSI BULETIN ILKEM EDISI 2/2023

<b>PENAUNG</b> YBrs. Tuan Rahimi bin Ismail	<b>PENASIHAT</b> YBrs. Tuan Haji Mohd Najib bin Surip	<b>KETUA PENGARANG</b> Encik Roselan Bin Mohamed
<b>PEGAWAI PENYELARAS</b>		
Encik Shamsir bin Md Saleh Encik Rosno Irwan bin Roslan Puan Harafeah binti Harun		<b>PEREKAA GRAFIK</b> Encik Yuhaizan bin Yunus



## PENULISAN ILMIAH

### PERANAN BERSAMA BAGI MEMBENDUNG PENINGKATAN KOS SARA HIDUP

Mohd Halil bin Musa

Pegawai Keselamatan, Kementerian Kewangan




Kenaikan harga barang keperluan sejak akhir-akhir ini memberi impak yang besar kepada kehidupan rakyat Malaysia secara keseluruhannya. Isu kenaikan harga barang ini secara langsung menyumbang kepada kos sara hidup yang lebih tinggi. Dalam keadaan ekonomi yang masih bergelut untuk keluar daripada kesan pandemik Covid-19 yang melanda negara sejak tahun 2020, tekanan kos sara hidup semasa ini memaksa rakyat Malaysia menyesuaikan taraf hidup mereka.

Isu kenaikan harga barang boleh diatasi jika semua pihak memainkan peranan masing-masing dalam membendung masalah ini daripada berterusan. Ini adalah kerana kenaikan harga barang yang tidak terkawal akan menyebabkan ketidaktentuan ekonomi, sosial dan politik yang boleh mengancam keharmonian negara.

#### Peranan Kerajaan

Kerajaan perlu memainkan peranan utama supaya dapat merangsang dan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi, sekali gus mewujudkan peluang pekerjaan pendapatan tinggi agar rakyat dapat terus berbelanja. Menerusi Belanjawan 2023 yang dibentang oleh Perdana Menteri pada 24 Februari lalu memperuntukkan sebanyak RM64 bilion merupakan satu jumlah besar yang akan diterjemahkan dalam

bentuk subsidi, bantuan tunai serta pelbagai inisiatif lain bagi meminimumkan kos sara hidup yang diperkenalkan sebagai induk kepada usaha membantu golongan susah dan rentan. Dengan pengenalan inisiatif Menu Rahmah yang menawarkan makanan pada harga RM5 dan ke bawah sedikit sebanyak dapat membantu meringankan beban golongan tersebut.



## Peranan Pengeluar dan Peniaga

Selain daripada peranan kerajaan, adalah penting untuk setiap peniaga mahupun organisasi yang terlibat dalam pengeluaran dan penjualan barang serta perkhidmatan supaya lebih jujur dan amanah dalam menjalankan aktiviti perniagaan masing-masing. Sikap ingin mengaut keuntungan yang melampau oleh peniaga merupakan satu masalah besar dan perlu dibendung. Sebaliknya, pemain-pemain industri ini perlu menggembungkan tenaga dengan menyokong inisiatif yang diperkenalkan oleh pihak kerajaan sebagaimana yang dilaksanakan oleh Mydin, Persatuan Pengusaha Restoran India Muslim Malaysia, Persatuan Pengusaha Tom Yam Malaysia (Pertom) dan baru-baru ini McDonald serta Marrybrown turut sama-sama memperkenalkan Menu Rahmah secara sukarela untuk membantu mereka yang memerlukan terutamanya golongan B40.

## Peranan Rakyat

Sebagai pengguna pada masa kini harus menilai kembali perbelanjaan yang dibuat dan seharusnya menumpukan kepada perbelanjaan mengikut keperluan sahaja. Aktiviti yang membazir seperti merokok dan meminum arak seharusnya dihentikan kerana bukan sahaja mahal tetapi membahayakan kesihatan. Selain itu, golongan muda perlu bijak mengurus kewangan peribadi dan tidak bergantung terhadap pinjaman peribadi serta kad kredit bagi menampung keperluan harian susulan tekanan kos sara hidup yang semakin tinggi. Ia berdasarkan analisis Experian Information Services (Malaysia) pada tahun 2022 yang mendapati golongan berumur antara 22 hingga 28 tahun adalah mereka yang mempunyai kesukaran untuk membayar balik hutang kad kredit dan pinjaman peribadi masing-masing.

Secara keseluruhannya, peningkatan harga barang adalah realiti yang harus diharungi oleh sesebuah negara bagi penduduk yang berpendapatan sederhana dan rendah. Justeru, semua pihak khususnya tiga fraksi di atas perlu memainkan peranan masing-masing untuk sama-sama membantu meringankan kos sara hidup yang semakin meruncing pada masa kini.



**BUAL BICARA EKSEKUTIF “RAMADHAN BULAN MEMPERBAIKI QALBU” DAN MAJLIS BERBUKA PUASA ANJURAN ILKEM BERSAMA IBU PEJABAT CGSO, CGSO NEGERI DAN KADER SERTA SOLAT TERAWIH BERJEMAAH SEMPENA RAMADHAN 2023**

Pada 04 April 2023 – YBrs. Tuan Rahimi bin Ismail, Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan hadir ke sesi bual bicara “Ramadhan Bulan Memperbaiki Qalbu” anjuran Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM). Turut hadir bersama ke program ini ialah YBrs. Puan Julaila binti Engan, Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan (Dasar) dan YBrs. Tuan Haji Mohd Najib bin Surip, Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan (Operasi). En. Roselan bin Mohamed, Pengarah ILKEM turut menyambut kehadiran Pengarah-pengarah Bahagian Ibu Pejabat, Pengarah-pengarah CGSO Negeri dan Timbalan-Timbalan Pengarah Bahagian Ibu Pejabat CGSO dan CGSO Negeri. Program ini dimeriahkan lagi dengan kehadiran pegawai-pegawai kader CGSO dari zon tengah terdiri daripada pelbagai kementerian, jabatan dan agensi.

Al Fadhil Tuan Haji Nor Azamir bin Haji Alias, Imam Besar Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya dijemput sebagai penceramah bagi program ini. Al Fadhil ustaz menerapkan agar para hadirin sentiasa bersangka baik dalam setiap perkara dan mendidik hati agar sentiasa bersyukur dengan apa yang ada. Beliau turut menyatakan hati yang suci dan baik akan memberi kesan terutamanya kepada penjawat awam dalam melaksanakan tugas dan amanah yang diberikan.





Selesai program bual bicara, para hadirin telah dijemput ke majlis berbuka puasa bersama dan menunaikan solat Maghrib, Isya dan tarawih secara berjemaah di Surau ILKEM. Dengan adanya program seperti ini, diharap ia dapat memberikan satu nafas baharu yang segar dan semangat kepada semua hadirin dalam memperbaiki jati diri ke arah yang lebih baik dan memberi kesan yang baik kepada mutu perkhidmatan penjawat awam terutamanya pegawai-pegawai dibawah lantikan CGSO.





## WARGA & AHLI KELUARGA ILKEM BERBUKA PUASA BERSAMA PENGARAH ILKEM

Pada 17 April 2023 – Dengan meriahnya telah berlangsung Majlis Iftar ILKEM di INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA, yang melibatkan kesemua warga ILKEM. Begitulah keberkatan bulan Ramadan yang bukan sahaja bulan perbanyakkan ibadah malah mengeratkan ukhuwah.





**MAJLIS KHATAM ALQURAN BULAN RAMADAN 2023 ANJURAN  
ILKEM DIADAKAN PADA 19 APRIL 2023**



**BENGKEL TRAINING OF TRAINERS (TOT) JAWATAN KUASA PENERAJU (PKP) CGSO PADA 10 HINGGA 11 APRIL 2023 DIHADIRI OLEH 20 ORANG PESERTA**



**KURSUS PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN (PPKJ)  
(ADSO 1001) SIRI 1/2023 PADA 09 HINGGA 11 MEI 2023 DIHADIRI  
SERAMAI 70 ORANG PESERTA**



**KURSUS PENGUKUHAN KESELAMATAN PERSONEL (PSW 3003)  
SIRI 1/2023 PADA 09 MEI 2023 DIHADIRI SERAMAI 13 ORANG  
PESERTA**



**KURSUS PENGENDALIAN BUKU KUNCI KESELAMATAN DAN  
TATACARA NOMBOR KOMBINASI (SGC 1014) SIRI 1/2023 PADA 10  
MEI 2023 DIHADIRI SERAMAI 16 ORANG PESERTA**



**KURSUS ASAS KESELAMATAN PERLINDUNGAN BAGI LANTIKAN  
BAHARU JAWATAN PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN GRED  
KP29 PADA 15-19 MEI 2023 PESERTA 8 ORANG DIADAKAN DI ILKEM**





**KURSUS INTEGRITI SIRI 1/2023 PADA 16 HINGGA 17 MEI 2023  
PESERTA SERAMAI 21 ORANG**



**BENGKEL TRAINING OF TRAINERS (TOT) JAWATAN KUASA PENERAJU PKP CGSO SIRI 2/2023 23 HINGGA 24 MEI 2023 DIHADIRI SERAMAI 11 ORANG PESERTA**



**PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN PEMBANTU KESELAMATAN GRED KP19 DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN PELABAGAI JABATAN PADA 23 MEI 2023 YANG DIHADIRI SERAMAI 10 CALON**



**KURSUS KURSUS PEGAWAI PENGELAS (COC 1003) SIRI 1/2023  
PADA 24 HINGGA 25 MEI 2023 DIHADIRI SERAMAI 17 ORANG  
PESERTA**



**KURSUS PENGENDALIAN BUKU DAFTAR RAHSIA RASMI AM 492,  
AM 492A DAN AM 492B (SRC 1008) SIRI 1/2023 PADA 24 HINGGA 25  
MEI 2023 DIHADIRI 36 ORANG PESERTA**





**Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia  
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia  
Jabatan Perdana Menteri**

**Persiaran Timur 3, Bandar Enstek, 71760 Bandar Baru Enstek  
Negeri Sembilan**

**No.Telefon : 06-799 3301  
No. Faksimili : 06-799 4667**

**[www.cgso.gov.my](http://www.cgso.gov.my)**

